

Jumaat, 7 Februari 2020 | 6:31pm



INDUSTRI pengeluar topeng muka (3 ply surgical mask) disaran meningkatkan kapasiti pengeluaran bagi membolehkan kerajaan membeli tambahan pengeluaran produk itu. - Foto BERNAMA

## Syor industri pengeluar topeng muka tingkat pengeluaran

Oleh Samadi Ahmad  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**PUTRAJAYA:** Industri pengeluar topeng muka (3 ply surgical mask) disaran meningkatkan kapasiti pengeluaran bagi membolehkan kerajaan membeli tambahan pengeluaran produk itu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata kerajaan memberi jaminan akan membeli lebihan topeng muka bagi memenuhi keperluan mencegah coronavirus (2019-nCoV).

Beliau berkata, dua hari lalu, pihaknya mengadakan pertemuan dengan penggiat industri dan memberi jaminan jika mereka mampu meningkatkan pengeluaran, kerajaan sedia membelinya.

"Kerajaan mahu memastikan bekalan topeng muka mencukupi dan berharap tidak ada pihak yang mengambil kesempatan dengan menaikkan harga sesuka hati kerana ia adalah barang kawalan."

"Kita menyarankan mereka meningkatkan pengeluaran dan bagi setiap tambahan pengeluaran sama ada harian, mingguan atau bulanan kerajaan akan beli," katanya pada sidang media di Kementerian Kewangan di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

Saifuddin berkata, kebanyakan kilang banyak mengeluarkan topeng muka bagi kegunaan hospital dan industri, manakala topeng keselamatan agak berkurangan.

Sementara itu, Guan Eng berkata Kementerian Kewangan menyokong usaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu dan berharap topeng muka dibeli itu diletakkan di lokasi diperlukan di seluruh negara.

